

**BOAT-SHAPED COFFIN DALAM GUA KAIN HITAM
(PAINTED CAVE) NIAH, SARAWAK
BOAT-SHAPED COFFIN IN NIAH'S PAINTED CAVE, SARAWAK**

**Junior Kimwah¹
Ismail Ibrahim²
Hj Baharudin Mohd Arus³**

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah^{1,2&3}
junior kimwah@gmail.com, ismailbinibrahim@yahoo.com, baharudin@ums.edu.my
Tarikh dihantar: 1 Januari 2020/ Tarikh diterima: 20 November 2020*

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan artifak *boat-shaped coffin* atau keranda berbentuk perahu yang terdapat di dalam Gua Kain Hitam (*Painted Cave*) Niah, Sarawak. Artifak berbentuk perahu ini dipercayai digunakan sebagai keranda pada suatu ketika dahulu. Keranda ini dipercayai dihasilkan oleh masyarakat neolitik yang menghuni sekitar Gua Kain Hitam pada ketika itu. Upacara kematian yang diamalkan ini bersifat *primary burial*. Mayat disimpan di dalam keranda perahu sehingga reput sepenuhnya. Kemudian, baki tulang tersebut ditanam di tapak pengebumian lain yang terletak di Gua Kain Hitam II. Penyelidikan ini menekankan kaedah pemerhatian secara langsung di lapangan. Subjek penyelidikan difoto dan direkodkan secara terperinci melalui fotografi dan buku lakaran. Hasil penyelidikan ini menjelaskan reka bentuk dan fungsi serta kegunaan *boat-shaped coffin* pada suatu ketika dahulu. Hasil analisis kandungan terhadap hubung kait keranda dan lukisan gua prasejarah yang ditemui menunjukkan ruangan Gua Kain Hitam berfungsi sebagai *death chamber*. Justeru, penyelidikan ini dapat mendokumentasi dan memelihara artifak secara kolektif untuk tatapan masyarakat akan datang.

Kata kunci: Gua Kain Hitam (*Painted Cave*), tapak perkuburan, *boat-shaped coffin*, imej *death ship*, reka bentuk.

ABSTRACT

This article discusses on boat-shaped coffin artefacts found in the Painted Cave of Niah, Sarawak. This boat-shaped artefact is believed have been used as a coffin in the past. The coffin is believed have been maded by the neolithic people who lived around the Painted Cave at that time. This ritual of death is a primary burial. The body was stored in the boat's coffin until it was completely decomposed. The remains were then buried at another burial site, located in the Painted Cave II. This

research emphasizes the method of direct observation in the field. The research subjects were photographed and recorded in detail through photography and sketches. The results of this research explain the design and function and use of boat-shaped coffins in the past. The results of the analysis from the contents of the coffin linkages and prehistoric cave drawings found that the Painted Cave spaces served as a death chamber. As such, this research can document and conserve artefacts collectively for the public to see.

Keywords: *Painted Cave, burial site, boat-shaped coffin, death ship image, design.*

PENGENALAN

Gua Niah merupakan gua prasejarah tertua di negeri Sarawak. Gua ini dikesan mula dihuni sejak 40,000 tahun yang lampau menerusi penemuan peninggalan pengebumian zaman Paleolitik. Imej-imej pengebumian dan keranda boleh ditemui di Gua Kain Hitam berhampiran Gua Niah, Sarawak. Di dinding gua pula terdapat pelbagai corak yang menggambarkan imej figuratif, diadun dengan rupa geometrik berbentuk ‘*death ship*’. Gambaran ini disusuli dengan imej beberapa lukisan hematit di atas dinding gua yang memanjang. Oleh kerana teknologi dan cara hidup pada zaman prasejarah tertumpu kepada lukisan gua, maka penemuan lukisan gua di Gua Kain Hitam, Niah, Sarawak menjadi kunci kepada pengetahuan tentang kebudayaan dan masyarakat prasejarah (Harrison, 1958).


Achmad Sopandi (2003: 26) menjelaskan, penemuan lukisan dan pelbagai alat perhiasan daripada siput, manik, seramik dan perahu mempunyai kaitannya dengan keranda. Peralatan tersebut dipercayai dijadikan barang bekalan untuk si mati. Hal ini dibuktikan bahawa lukisan dan peralatan tersebut adalah bahan upacara untuk orang-orang yang masih hidup berhubung dengan kematian. Justeru, kehidupan sosiobudaya masyarakat zaman silam dipaparkan melalui lukisan gua.



Rajah 1 Gua Kain Hitam yang terletak berasingan daripada Kompleks Gua Niah.

Gua-gua yang terletak di dalam Taman Negara Niah terbentuk sebahagiannya daripada bukit batu kapur Subis, iaitu merupakan dasar batu kapur pada awal abad Miocene (C.S. Hutchison, 2005). Gua Kain Hitam (*Painted Cave*) adalah sebuah gua terowong yang mempunyai laluan utama daripada siling gua berbentuk subhorizontal. Gua ini berukuran kira-kira 120 meter panjang dan sehingga 60 meter lebar dan 40 meter tinggi. Pintu masuknya terletak di bahagian utara yang berukuran kira-kira 50 meter lebar. Laluan ini terdiri daripada sedimen dan blok cerun tertutup yang bersifat garis tebing menghala ke zon rata dengan keluasan 20 meter. Lantai gua pada pintu masuk di bahagian utara pula adalah 30 meter di atas dataran yang rata.

Gua Kain Hitam atau *Painted Cave* terletak di lokasi yang berasingan dalam pembentukan batu kapur daripada keseluruhan Kompleks Gua Niah (Rajah 1). Gua Kain Hitam telah ditemui oleh Barbara Harrisson pada tahun 1958 amat tersentuh dengan pemandangan yang tenteram, iaitu lukisan gua purba pada dinding dan keranda berbentuk perahu di lantai gua. Lebih daripada 100 imej lukisan berwarna merah bersaiz kecil hingga berukuran satu meter didapati pada dinding sepanjang 50 meter. Lukisan ini dilukis dengan menggunakan campuran bahan hematit dan cecair pewarna daripada tumbuhan.




Rajah 2 Peta kedudukan lukisan gua dan pagar di dalam kompleks
Gua Kain Hitam (*Painted Cave*)
Sumber: Koleksi arkib Muzium Sarawak

Rajah 2 adalah peta tapak Gua Kain Hitam yang dihasilkan oleh pihak Muzium Sarawak. Peta ini menunjukkan kedudukan setiap komponen yang terdapat di dalam Gua Kain Hitam (*Painted Cave*). Setiap komponen yang dilabelkan telah dikaji oleh penyelidik lepas. Melalui peta ini, posisi pagar diletakkan di hadapan lukisan gua yang bertujuan melindungi lukisan gua. Tiang stalagmit yang terdapat di dalam gua ini telah membentuk tiang batu kapur yang bertindak menyokong siling dinding gua selama berabad lamanya.

Rajah 3 menunjukkan skema pelan skematik Gua Kain Hitam (*Painted Cave*) yang merujuk lokasi kerangka tulang, manik kaca dan peralatan logam yang berkaitan dengan keranda perahu. Kawasan dalam garis putus-putus merujuk kepada jarak cebisan barangan bertaburan daripada sebuah keranda perahu. Walaupun artifak keranda perahu menyerupai perahu sungai yang sedia ada, tetapi reka bentuk keranda perahu dalam Gua Kain Hitam (*Painted*

Cave) lebih panjang dan diukir dengan pelbagai rupa bentuk kepala haiwan yang artistik. Sebahagiannya telah dikenal pasti sebagai kepala buaya, harimau bintang (*Pardofelis nebulosa*) dan naga yang bergigi taring (Harrisson 1958: 200, 203). Harrisson menjelaskan bahawa tinggalan tulang manusia tidak dijumpai di dalam keranda perahu, tetapi sebaliknya cebisan tulang tersebut dijumpai tersebar di sekitar keranda perahu.



Rajah 3 Skema pelan skematik Gua Kain Hitam.

Sumber: Diubah suai daripada artikel Szabo *et al.* (2008).

Lukisan gua prasejarah ini terdiri daripada imej perahu, manusia, haiwan dan beberapa imej abstrak. Penyelidikan lepas mendapati bahawa lukisan gua dan artifak keranda perahu yang ditemui menceritakan pelayaran si mati ke alam barzakh. Penyelidikan yang lebih teliti perlu dilaksanakan terhadap imej lukisan gua, memandangkan lukisan ini amat sensitif dan mudah rosak. Oleh itu, kawasan ini telah dipagar oleh Muzium Sarawak bagi tujuan konservasi.




Rajah 4 Struktur dinding kompleks Gua Kain Hitam (*Painted Cave*)

Dalam Rajah 4, menunjukkan siling di Gua Kain Hitam (*Painted Cave*) yang berbentuk submendatar dan rata dengan sedikit pembentukan stalaktit. Beberapa stalaktit dan stalagmit dilihat pada bahagian siling dan lantai terbentuk di sepanjang retakan, terutamanya di sekitar pintu masuk yang kedua. Kebanyakan stalaktit yang bersifat tidak teratur dan tergantung secara lurus ke bawah. Keadaan ini amat ketara berhampiran dengan pintu masuk di utara kerana bentuk stalaktit yang condong ke bahagian luar gua. Stalaktit yang terletak di bahagian tengah gua pula memaparkan sudut yang menghala ke arah pintu masuk. Di bahagian selatan, stalaktit ini kemudian menegak di bahagian bawahnya.

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Kaedah pemerhatian di lapangan adalah sangat penting dalam melaksanakan penyelidikan ini. Penyelidik bermula dengan membuat pemerhatian khas pada setiap elemen gua untuk dipelajari. Penyelidik kemudian mengambil data secara terperinci dan merekodkan setiap data dengan jelas dan teratur. Setiap proses pengambilan data direkodkan melalui rakaman kamera digital untuk membantu aspek proses pengumpulan bahan penyelidikan. Penyelidikan ini dilaksanakan dengan mengambil kira pelbagai faktor dan kesan sampingan yang melibatkan perancangan, pengurusan dan berdasarkan piawai disiplin yang telah ditetapkan oleh Muzium Sarawak. Sebahagian besar daripada data didapati di tapak penyelidikan di Gua Kain Hitam (*Painted Cave*), iaitu data primer dan sekunder melalui pemerhatian, temu bual dan rujukan daripada tulisan dan penyelidik terdahulu.



Rajah 5 Prosedur metodologi penyelidikan

Prosedur temu bual adalah aspek penting untuk menyokong penemuan melalui pemerhatian penyelidik di lapangan. Data-data berbentuk catatan dan rekod seperti foto, video dan lakaran dilaksanakan adalah usaha mengumpul maklumat secara kualitatif. Keesahan data dan maklumat dikenal pasti melalui temu bual bersama kakitangan Muzium Sarawak yang memberi respons dan

sokongan terhadap data penemuan penyelidikan. Melalui temu bual ini, data-data pemerhatian diperkukuh dan dilengkapi. Kaedah ini juga bertujuan sebagai triangulasi yang bertujuan untuk mengesahkan pelbagai data atau maklumat secara terperinci.

Data-data kajian penyelidikan ini dianalisis berdasarkan analisis kandungan karya seni visual. Analisis kandungan memberi tumpuan kepada kajian imej dan tafsiran makna secara mendalam dan subjektif. Analisis kandungan pada dasarnya digunakan dalam bidang media dan komunikasi. Kelebihan analisis kandungan dalam data kualitatif dilakukan untuk memeriksa kandungan imej berdasarkan kandungan dan proses kontekstual. Kaedah kontekstual merujuk kepada analisis kandungan, sama ada secara tersurat atau tersirat dalam sesebuah imej lukisan gua. Selanjutnya, kaedah ini melibatkan proses mentafsir imej dengan teliti dan berulang kali.

Proses analisis data di tapak adalah tahap yang paling penting dalam kajian ini. Analisis artifak bergantung kepada jenis artifak yang dijumpai. Kaedah analisis ini dilakukan secara berperingkat dalam menghasilkan maklumat yang komprehensif. Sebagai contoh, analisis fizikal dan konteks inovasi atau peranannya dalam budaya dijalankan untuk mendapatkan maklumat tentang manusia masa lalu. Ciri-ciri reka bentuk pada *boat-shaped coffin* adalah kunci utama kepada prosedur interpretasi. Imej pada dinding gua adalah hasil representasi daripada artifak *boat-shaped coffin* oleh pelukis di dalam gua. Artifak keranda ini memainkan peranan penting dalam menentukan tema yang hendak diketengahkan oleh pelukis atau pengukir prasejarah ketika itu.

GUA KAIN HITAM (*PAINTED CAVE*)

Penyelidikan arkeologi oleh Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada tahun 2008 dengan kerjasama Jabatan Muzium Sarawak telah menemui tapak perkuburan prasejarah di Gua Kain Hitam II. Ekskavasi yang sistematik berjaya menemui lapan rangka manusia di tapak perkuburan di Gua Kain Hitam II, Niah. Perkuburan tersebut dipercayai milik masyarakat prasejarah pada zaman Neolitik iaitu sekitar 3,000 tahun dahulu. Orientasi pengebumian didapati berbeza mengikut jantina kerana rangka perempuan dikebumikan dengan kepala menghala ke luar gua, manakala kepala rangka lelaki pula menghala ke dalam gua. Antara artifak yang dijumpai bersama rangka manusia tersebut adalah alat perhiasan badan seperti manik cangkerang, loket cangkerang, tembikar tanah, tulang dan sisa-sisa fauna.



Rajah 6 Tiang berbentuk 'X' sebagai penyokong keranda perahu
Sumber: Koleksi Arkib Muzium Sarawak.

Tapak penyelidikan ini juga menempatkan beberapa buah keranda berbentuk perahu. Semasa prosedur ekskavasi artifak dijalankan, keranda perahu ditemui berada dalam keadaan berselerak dan begitu juga dengan rangka tulang masyarakat purba yang bertaburan di lantai. Beberapa bahan artifak purba seperti manik purba dan seramik turut ditemui. Penyelidik terdahulu melihat objek yang dijumpai ini mempunyai hubung kait dengan lukisan dinding gua yang merah menyala ketika itu. Penyelidik seperti Tom Harrisson telah menemui tembikar batu, cangkerang, manik, peralatan logam dan tembikar bermuncung dua serta beberapa keranda semasa kerja ekskavasi di gua ini. Keranda tersebut diperbuat daripada kayu belian (*Eusideroxylon Zwageri*) yang mungkin diletakkan pada tiang yang kini telah roboh (Rajah 6). Terdapat dua Pentarikhan Karbon 14 (^{14}C) menunjukkan bahawa keranda perahu ini berusia di antara 2,300 hingga 1,045 tahun.

Lukisan prasejarah dalam Gua Kain Hitam (*Painted Cave*) menggambarkan figura *anthropomorph* yang berdiri dan kelihatan seperti bot atau perahu. Ruangan dalam Gua Kain Hitam dikaitkan dengan aktiviti pengebumian di dalam keranda berbentuk perahu. Harrisson mengaitkan lukisan gua dengan motif '*death ship*' yang menunjukkan persamaan gaya dengan perahu yang digambarkan di drum Dong Son. Motif perahu yang serupa juga ditemui di Balang Manunggul, Filipina dan lukisan gua Racolo di timur negara Timor Leste. Analisis kimia terhadap pigmen warna di Gua Kain Hitam menunjukkan bahawa pigmen tersebut diperbuat daripada hematit yang berasal daripada resin pokok tempatan. Selain Gua Kain Hitam, negeri Sarawak memiliki beberapa tapak lukisan gua lain termasuk lukisan arang di Gua Sireh, Gua Bukit Sarang Lobang Ringen dan Lobang Batu Puteh.

BOAT-SHAPED COFFIN (KERANDA BENTUK PERAHU)

Masyarakat prasejarah menyedari bahawa pokok kayu boleh tumbuh selama berabad-abad hingga matang di kawasan tropika yang lembap. Sampel Karbon 14 (^{14}C) dalam Rajah 7 diambil dari keranda kayu yang memberikan pelbagai tafsiran. Penyelidik lepas berjaya mengumpulkan dua sampel dari setiap keranda. Satu pasangan keranda dipercayai berasal dari bahagian dalam gua yang diperbuat daripada dua pokok. Kedua-dua keranda ini dikenal pasti sebagai sebahagian daripada platform kecil yang tertinggal di dalam keranda.



Rajah 7 Artifak keranda perahu yang dijumpai di sekitar Kompleks Gua Kain Hitam (*Painted Cave*)

Dua buah keranda lagi ditemui berasal dari tempat yang berhampiran di luar gua. Tom Harrisson telah mengambil sampel ini sebagai kajian untuk mendedahkan maklumat berkenaan usia keranda kayu berkenaan. Keputusan sampel dari makmal Groningen menunjukkan usia keranda perahu yang terpilih adalah seperti yang terdapat dalam Jadual 1.

Jadual 1 Keputusan Pentarikhkan *Radiocarbon* keranda perahu dalam Gua Kain Hitam (*Painted Cave*)

Lab.No.	Raw Date BP	Date range cal. BP (2 σ)	Date range cal. BC/AD (2 σ)	Context
GX-0307	2300 $\pm$ 80 BP	2072–2698 BP	750–100 BC	Inside of Coffin 1 (A/4)
GX-0212	1780 $\pm$ 105 BP	1417–1931 BP	AD 0–550	Outside of Coffin 1 (A/4)
GX-0214	1450 $\pm$ 125 BP	1076–1612 BP	AD 300–900	Inside of Coffin 2 (A/18)
GX-0309	1045 $\pm$ 75 BP	789–1168 BP	AD 800–1170	Outside of Coffin 2 (A/18)

Sumber: Dipetik daripada *Chapter 4 - Supplementary Materials. Kain Hitam: The Painted Cave* oleh Barbara Harrisson, hlm. S13.

Hasil penelitian menunjukkan bahawa kedua-dua kayu balak telah ditebang secara berasingan yang dianggarkan kira-kira 650–600 tahun. Hal ini bermakna bahawa perbezaan Keranda 1 iaitu di dalam gua dan Keranda 2 di luar gua adalah selama 620 tahun. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa Keranda 1 telah digunakan sekitar 550 tahun, manakala Keranda 2 pula adalah sekitar 1,170 tahun. Jangkauan tempoh masa ini secara tidak langsung mengesahkan penggunaan gua sebagai tapak pengebumian oleh sekelompok kecil masyarakat prasejarah. Artifak seperti tembikar seramik yang dijumpai dapat dikaitkan dengan upacara pengebumian.


REKA BENTUK *BOAT-SHAPED COFFIN*

Keranda perahu ini dihasilkan daripada kayu keras yang kebanyakannya berbentuk silinder. Bentuk bahagian bawahnya lebih dalam daripada bahagian penutupnya. Seseengah serpihan keranda berbentuk papan kerana mereput setelah sekian lama. Keranda perahu ini mempunyai bumbung yang bersudut dan dilengkapi dengan pemegang kayu pada bahagian sisi keranda. Kebanyakan saiz dan panjang keranda yang dijumpai boleh memuatkan badan seorang manusia dewasa.




Rajah 8 Replika keranda perahu di Muzium Arkeologi Niah, Miri

Hasil penyelidikan lepas mendapati bahawa keranda ini digunakan tidak hanya sebagai bekas untuk satu mayat. Dipercayai bahawa setiap kematian yang berlaku dalam sesebuah keluarga akan menggunakan semula keranda perahu tersebut. Turut dijumpai adalah serpihan-serpihan kayu yang pelbagai saiz dan tidak jelas bentuknya. Pelbagai kepingan pada bahagian bawah keranda juga dijumpai dalam pelbagai ukuran panjang. Pada bahagian bawah keranda perahu ini mempunyai satu lubang. Lubang ini berbentuk bulat atau bujur dengan ukur lilit diameter antara 5 cm hingga 10 cm. Lubang ini dibuat untuk mengeluarkan cecair yang telah larut daripada mayat yang tersimpan di dalam keranda perahu. Cecair ini kemudian disalurkan ke saluran yang mengalir keluar terus ke luar gua.




(v) Pandangan belakang




(i) Pandangan atas




(ii) Pandangan sisi



(iii) Pandangan bawah




(iv) Pandangan hadapan




(v) Pandangan belakang

Rajah 9 Reka bentuk keranda kayu di Gua Kain Hitam (*Painted Cave*) yang dipamerkan di Muzium Arkeologi Niah, Miri

Setiap keranda dalam gua mempunyai identiti tersendiri. Sesetengahnya mempunyai bentuk hujung yang bercabang sebagai penanda kubur merujuk kepada Rajah 9 (v). Keranda perahu ini diukir dan dihias dengan motif yang tidak jelas kerana sebahagian daripada keranda kayu ini dijumpai telah hangus dibakar, kesan mereput dan telah dirosakkan oleh pihak tidak yang bertanggungjawab. Beberapa bentuk haiwan telah dikenal pasti sebagai motif, turut diukir pada permukaan penutup keranda ini.



(i) Ukiran bahagian depan keranda perahu



(ii) Ukiran bahagian belakang keranda perahu

Rajah 10 Ukiran hadapan dan belakang keranda

Keranda berbentuk perahu yang serupa dengan artifak keranda perahu di Gua Kain Hitam (*Painted Cave*) telah dilaporkan secara meluas dalam penemuan arkeologi di gua-gua seperti di selatan Thailand, pantai Semenanjung Malaysia dan Vietnam. Keranda-keranda perahu tersebut dipercayai berasal dari Zaman Awal Logam di tanah besar Asia (Jan Wisseman Christie, 1990).

Di Sabah, artifak keranda yang hampir sama, iaitu diperbuat daripada kayu balak ditemui di Agop Batu Tulug, daerah Kinabatangan, Sabah. Kehadiran keranda daripada kayu belian (*Eusideroxylon zwaggen*) dan kayu merbau (*Fabaceae*) masih kukuh biarpun usianya telah mencecah 400 hingga 900 tahun. Formasi batu kapur turut dikaitkan dengan suku kaum Orang Sungai di Sabah yang menyimpan pelbagai misteri berkaitan dengan alam.¹ Keranda ini diperbuat

daripada kayu keras, dalam konteks arkeologi di Sabah mahupun dalam konteks kehidupan di Borneo. Setiap keranda yang dijumpai mempunyai hiasan pada bahagian hujung dan bahagian hadapan perahu yang diukir. Sebagai contoh, bentuk ukiran kepala seekor lembu, rusa, *asu* atau anjing dan harimau (Harrisson & Harrisson, 1971).

FUNGSI DAN KEGUNAAN *BOAT-SHAPED COFFIN*

Setiap keranda kayu ini dipercayai sebagai hak milik sesebuah keluarga yang digunakan sebagai *primary burial*. Mayat disimpan di dalam keranda sehingga reput dan yang tinggal hanya tulang. Cecair tubuh mayat disalurkan keluar daripada lubang saluran pada bahagian bawah keranda. Setelah itu, tulang tersebut dikumpul dan ditanam di kawasan perkuburan lain seperti pernyataan berikut:

'More likely most were also ossuaries, and as such the property of a family or clan. An ossuary would be used repeatedly, every time when the remains of a deceased family-member were to be added' (Barbara Harrisson, 2016: S12).

Dalam konteks ini, penyelidik lepas telah menjumpai tapak perkuburan tidak jauh dari tapak keranda perahu. Di Gua Kain Hitam II, beberapa tulang masyarakat prasejarah dijumpai menunjukkan penanaman tulangnya dilakukan di kawasan perkuburan yang berasingan. Tapak Gua Kain Hitam I pula dipercayai digunakan untuk proses peleraian tubuh badan mayat. Keranda kayu yang dijumpai digunakan secara berulang kali khususnya kepada ahli anggota keluarga pemilik keranda. Cara ini tidak sama seperti di Gua Niah yang merujuk kepada aktiviti pengebumian mayat secara bertindih dengan kubur yang lain. Kaedah perkuburan di Gua Kain Hitam (*Painted Cave*) bersifat lebih teratur dan berorganisasi.

Walaupun imej '*death ship*' dalam Gua Kain Hitam (*Painted Cave*) mempunyai persamaan dengan artifak perahu dari Timor tetapi, tidak jelas kaitannya di antara satu dengan yang lain (Ian Glover, 1972: 42; Lape *et al.*, 2007: 4). Sementara itu, dikatakan bahawa perahu masyarakat Timor mengandungi kesan visual yang menunjukkan teknologi maritim lepas. Perlambangan imej '*death ship*' Kain Hitam telah diaplikasikan sedemikian rupa sehingga mengandungi maklumat yang pelbagai dan sebilangan besar imejnya adalah imej simbolik.

Sekurang-kurangnya, lapan bentuk imej '*death ship*' dihasilkan bersama imej '*emerging tree*' (pokok kehidupan) yang tumbuh dari dasar perahu. Antaranya ialah dua motif bulan sabit diukir secara berulang yang dikaitkan

dengan busur (Adams, 1977: 97). Kebanyakan imej *death ship* mengandungi sederetan *emerging tree* yang sangat bergaya. Sesetengahnya dihiasi dengan figura *anthropomorphic* dan digayakan dengan posisi tangan terbuka (Rajah 11). Figura *anthropomorphic* di luar *death ship* biasanya berada dalam keadaan aktif, walaupun sebenarnya dianggap sebagai postur sedang menari (Tom Harrisson, 1958: 202).



Rajah 11 Panel lukisan dari Gua Kain Hitam, termasuk ‘perahu maut’, *anthropomorphic* menampilkan tangan terbuka dan *zoomorphic*.

Pada tahun 2007 hingga 2008, sekumpulan penyelidik dari Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia (USM) dan Jabatan Muzium Sarawak. Kumpulan ini diketuai oleh Profesor Dr. Stephen Chia dan Encik Ipoi Datan. Kajian ini menemui sebuah tapak perkuburan prasejarah di kompleks batu kapur Niah-Subis di Batu Niah, Miri, Sarawak. Sehingga hari ini, penyelidikan dan ekskavasi arkeologi telah mendedahkan sekurang-kurangnya lapan rangka manusia. Di samping penemuan artifak seperti tembikar, manik, perhiasan siput dan tulang belawan yang merujuk kepada zaman Neolitik, iaitu 3,000 tahun dahulu.

Penyelidikan tentang rangka manusia ini sedang dijalankan dengan kerjasama seorang ahli paleoantropologi dari Sapporo Medical University, Jepun untuk mendapatkan lebih banyak maklumat tentang populasi manusia prasejarah dan cara hidup masyarakat prasejarah yang mendiami Niah-Subis dan Borneo. Penemuan baharu ini bukan sahaja bakal menambah lebih banyak maklumat tentang sejarah awal negara dan Asia Tenggara tetapi dijangka dapat menarik lebih ramai pelancong tempatan dan luar negara untuk melawat Taman Negara Niah, Miri, Sarawak.²


Semasa kerja lapangan dijalankan, analisis awal telah dilakukan bagi mendapatkan sebanyak mungkin data untuk membina interpretasi kebudayaan yang berlangsung di Gua Kain Hitam (*Painted Cave*) Niah. Antara analisis awalan yang dijalankan ialah analisis artifak dan analisis terhadap sampel apungan dari tanah ekskavasi. Artifak-artifak yang lain seperti alat batu, tembikar dan cangkerang turut dicuci menggunakan air bersih dan berus gigi bagi memudahkan analisis lanjutan di makmal.

Analisis makmal yang dijalankan di USM ialah analisis paleoantropologi, iaitu klasifikasi jenis artifak. Hasil analisis paleoantropologi menunjukkan rangka manusia tersebut terdiri daripada tujuh rangka lelaki dan satu rangka perempuan. Anggaran usia rangka-rangka tersebut ialah di antara 25 hingga 45 tahun. Secara keseluruhan, keadaan fizikal rangka-rangka tersebut adalah normal dan sihat.

Beberapa keranda kayu berbentuk perahu telah dikenal pasti di Gua Kain Hitam I, mempunyai bilangan yang sedikit berbanding jumlah keranda perahu yang dijumpai di Gua Kain Hitam II. Harrisson mencatatkan mencatatkan 16 keranda perahu di Gua Kain Hitam I. Setiap *death ship*³ terdiri daripada dua bahagian, iaitu bahagian perahu dan penutupnya yang telah diikat bersama. Kebanyakan keranda ini dikaitkan dengan perahu sungai masyarakat Iban. Walau bagaimanapun, saiznya adalah lebih kecil (Tom Harrisson, 1958: 200).

Sebuah keranda perahu bersaiz jauh lebih kecil turut dijumpai dan dilabelkan sebagai 'keranda kanak-kanak'. Kedudukan setiap keranda ini telah dicatat oleh Tom Harrisson, sebelum sebarang pergerakan bahan-bahan arkeologi dilakukan. Keranda perahu ini sebahagian besarnya disusun mengikut paksi timur-barat, iaitu terletak atas permukaan tanah yang lembut dan dipisahkan dari panel lukisan gua pada jarak tujuh meter. Penemuan tiang penyokong kayu berbentuk 'V' menunjukkan bahawa beberapa perahu sebenarnya 'menghadap' ke arah lukisan gua. Tom Harrisson (1958: 200) menjelaskan bahawa bahagian hujung keranda perahu dinaikkan dengan menggunakan tiang penyokong tersebut.

Keunikan keranda perahu tersebut adalah menyerupai perahu pada masa kini. Setiap hulu keranda berbentuk memanjang dan diukir seperti bentuk kepala haiwan. Beberapa bentuk kepala haiwan dikenal pasti seperti Rajah 12 (i), iaitu kepala naga dan Rajah 12 (ii) merujuk kepala harimau bintang (*Pardofelis nebulosa*) (Harrison, 1958: 200 & 203). Hasil ekskavasi Tom Harrisson di tapak Gua Kain Hitam (*Painted Cave*) menjelaskan bahawa tulang manusia tidak dijumpai di dalam keranda tersebut, sebaliknya tersebar di sekitar perahu.




Rajah 12 Perincian pada bahagian hujung kepala keranda perahu

Sumber: Ubah suai daripada artikel Szabo *et al.* (2008).

Beberapa tapak prasejarah di Asia Tenggara dan Pasifik menunjukkan bukti upacara pengebumian dalam keranda perahu (Matthew Spriggs *et al.*, 2015: 81, Bellwood *et al.*, 2007 dan Tenazas, 1986). Walaupun analisis tentang ciri-ciri keranda perahu tidak berkaitan dengan matlamat penyelidikan ini, tetapi ia wajar untuk difahami ekor bentuk keranda perahu di Gua Kain Hitam.

Bukti mayat tunggal dalam setiap keranda dan sisa peninggalan manusia yang bertaburan di lantai gua adalah akibat daripada gangguan tapak. Kerosakan artifak keranda perahu kerap berlaku menyebabkan perubahan kedudukannya menunjukkan bahawa haiwan karnivor bersaiz sederhana telah mengganggu kedudukan artifak di tapak tersebut. Selain itu, dalam tempoh 1,000 tahun kematian, lebih banyak peninggalan prasejarah termasuk tulang manusia ditinggalkan. Keranda perahu yang sama dipercayai diguna berulang kali. Upacara pengebumian dalam perahu mempunyai signifikan untuk membawa muatan dan mayat ke akhirat. Selain itu, ia berperanan sebagai pengangkutan untuk membawa barang peribadi dan memudahkan perjalanan si mati ke akhirat (Huntington & Metcalf, 1979: 86–91).

Pelbagai jenis objek budaya ditemui di tapak Gua Kain Hitam menghubungkannya dengan beberapa persamaan dengan kawasan di kompleks Gua Niah. Sebagai contoh, cebisan tulang yang diukir seperti bentuk skru sama seperti serpihan dari Gua Niah (Tom Harrisson & Medway, 1962). Penemuan manik tiub tulang dan manik tulang yang dipotong telah diekskavasi daripada Gan Kira (Barbara Harrisson, 1958). Manik tulang turut dijumpai dari Gua Lobang Tulang dan Gan Kira (Harrisson & Medway, 1962).



Rajah 13 Ilustrasi lukisan gua bertema *death ship*

Kebudayaan Neolitik di Sarawak menunjukkan persamaan dengan kebudayaan Neolitik di Kepulauan Asia Tenggara. Persamaan artifak di rantau Asia Tenggara adalah bukti kukuh tentang perhubungan atau perdagangan laut yang terpanjang di dunia merentasi timur Borneo dan Melanesia, sejauh 3,500 km pada zaman Neolitik. Hal ini menjelaskan bahawa manusia prasejarah mempunyai teknologi pelayaran. Mereka telah merentasi lautan Melanesia hingga Kepulauan Asia Tenggara kira-kira 2,000–3,000 tahun. Pelayaran ini berlangsung sebelum Captain James Cook menjelajahi kepulauan Asia Tenggara dan lautan Pasifik pada 1768 sehingga 1779 (Stephen Chia, 2007: 10).

Safrizal Hahir, Izmer Ahmad dan Shahrul Anuar Shaari (2011: 21) menjelaskan bahawa lukisan pada umumnya dikaitkan dengan kesan dan pembuatan tanda. Tidak kiralah bagaimana tanda itu dibuat atau dengan apa ia dicipta. Kaedah atau sistem membuat tanda adalah tradisi manusia sejak beribu-ribu tahun dengan pelbagai sebab dan tujuan. Dalam konteks kebudayaan dan ketamadunan, tanda merujuk kepada penghasilan lukisan sebagai konstruksi akal yang berasaskan persepsi terhadap ciptaan bentuk seni.



Rajah 14 Keranda perahu diangkat dengan sokongan tiang kayu

Pembuktian secara etnografi dan arkeologi oleh Chris Ballard *et al.* (2004), menunjukkan keranda perahu adalah perlambangan dan ritual kematian di Asia Tenggara. Penelitian terhadap ciri-ciri ritual masyarakat Asia Tenggara dan imej keranda perahu dalam lukisan gua merujuk kepada representasi imej perahu atau lambang kematian seperti yang dipaparkan di tapak Gua Kain Hitam. Hal ini membolehkan penyelidik memahami hubung kait antara keranda perahu dengan lukisan gua prasejarah. Secara tidak langsung, Gua Kain Hitam menyimpan khazanah ‘*deathscape*’ yang sangat berstruktur.



Rajah 15 Ilustrasi ukisan gua imej *death ship*

Gua tersebut dipercayai dihuni melebihi 1,000 tahun berdasarkan bukti penempatan dan bahan-bahan budaya material seperti keranda perahu. Bukti ini mencerminkan amalan kebudayaan yang berkaitan dengan ritual penyimpanan mayat dan aktiviti sosial masyarakat prasejarah. Dalam konteks Kain Hitam, pengagihan ruang dan penyusunan keranda dalam gua menjelaskan ruangan gua sebagai '*death chamber*' atau ruang pemakaman. Penyusunan tersebut ditafsirkan secara tradisional sebagai bahan budaya '*prosaic*'.

Pada hakikatnya, perahu adalah teknologi pengangkutan yang digunakan dalam banyak perkara oleh masyarakat Asia Tenggara (Manguin, 1986). Penjelasan ini memberi tafsiran bahawa gambaran lukisan dalam Gua Kain Hitam (*Painted Cave*) pada ketika itu agak rumit. Bagaimanapun, perlambangan perahu adalah sebahagian daripada struktur konseptual yang dinyatakan dalam pelbagai upacara di seluruh Asia Tenggara. Ciri-ciri lukisan di Gua Kain Hitam (*Painted Cave*) yang sangat berstruktur mempunyai makna kebudayaan yang diamalkan oleh masyarakat prasejarah.

Keranda perahu yang dijumpai di dalam Gua Kain Hitam (*Painted Cave*) diukir dengan bentuk-bentuk haiwan dan reka bentuk yang kemas. Lazimnya, amalan ini sebagai tanda penghormatan terakhir kepada si mati. Hiasan pada keranda seperti moti-motif tradisional sudah tidak kelihatan pada artifak keranda kerana keadaan artifak yang telah mereput menyukarkan proses mengenal pasti motif.

Walaupun imej perahu sebagai subjek utama dalam lukisan pada dinding Gua Kain Hitam (*Painted Cave*), ia tidak semestinya menandakan perahu orang mati. Perahu juga bersifat sebagai metafora yang merujuk kumpulan sosial yang berdarjat (Manguin, 1986: 187). Imej perahu juga adalah simbol yang menggambarkan peralihan atau kitaran hayat. Ciri-ciri imej yang kompleks dan

simbolik perahu dalam lukisan gua menunjukkan bahawa masyarakat prasejarah telah mula beradaptasi dalam ketamadunan. Mereka berjaya memaparkan upacara dan adat kematian, sekali gus menunjukkan ciri-ciri perubahan dalam kehidupan sosial mereka.

KESIMPULAN

Hasil daripada penyelidikan ini menunjukkan bahawa kebudayaan masyarakat purba di Gua Kain Hitam (*Painted Cave*) terdiri daripada pelbagai subsistem. Budaya ini terdiri daripada teknologi, sosial, agama, ideologi dan ekonomi. Manusia purba dalam kebudayaan bertingkah laku dengan cara yang tersendiri kerana corak kehidupan yang berbeza-beza.

Penyelidikan ini menunjukkan bahawa masyarakat purba di Gua Kain Hitam (*Painted Cave*) sudah mula berinteraksi dan menggunakan sumber semula jadi dalam menghasilkan keranda perahu. Tuntutan terhadap kepercayaan mereka secara tidak langsung mendorong kepada cetusan budaya dan mencetuskan upacara ritual dalam sistem kematian. Penghormatan terakhir terhadap kematian adalah dengan cara meletakkan mayat ke dalam keranda perahu dan merekodkan peristiwa pada dinding gua.

PENGHARGAAN

Penulis telah menerima dana daripada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI), UMS menerusi skim geran penyelidikan UMSGreat (Nombor Projek: GUG0216-1/2018) dan tajaan daripada Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman (YBSTAR) dari Yayasan Negeri Sarawak untuk pengajian Ijazah Doktor Falsafah. Penulis juga mengucapkan terima kasih kepada Unit Perancang Negeri (SPU), Jabatan Ketua Menteri (Rujukan: (40) JKM/SPU/608-8/2/1 VOL.2) kerana memberi kebenaran untuk menjalankan penyelidikan di Sarawak. Penghargaan buat Encik Mohd. Sherman bin Sauffi, sebagai Kurator Jabatan Arkeologi, Jabatan Muzium Sarawak kerana telah bertindak sebagai penyelia di tapak penyelidikan dan juga ucapan terima kasih kepada semua kakitangan di Muzium Sarawak atas kerjasama yang sangat baik dalam menyediakan maklumat dari koleksi arkib yang digunakan dalam penyelidikan.

NOTA

- ¹ Petikan diambil daripada laman web Berita Harian Online <https://www.bharian.com.my/node/50759> yang bertarikh 30 April 2015.
- ² Maklumat diperoleh daripada papan informasi yang terdapat di Muzium Arkeologi Niah, Miri, Sarawak.
- ³ Tom Harrisson memberikan istilah ‘*death ship*’ yang merujuk kepada keranda perahu.

RUJUKAN

- _____. Sarawak’s Heritage. Ministry of Environment and Tourism, Sarawak, Malaysia.
- Achmad Sopandi Hasan. (2003). *Lukisan gua di Malaysia*. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Adams, M. J. (1977). A ‘Forgotten’ Bronze ship and recently discovered Bronze weaver from eastern Indonesia: A Problem Paper. *Asian Perspectives*, 20, 87–109.
- Bellwood, P. (1997). *Prehistory of the Indo-Malaysian Archipelago* (Revised ed.). Honolulu: University of Hawaii Press.
- Bellwood, P., J. Cameron, N. Van Viet & B. Van Liem. (2007). Ancient boats, boat timbers, and locked mortise-and-tenon joints from Bronze/Iron-Age Northern Vietnam. *International Journal of Nautical Archaeology*, 36(1), 2–20.
- C.S. Hutchison. (2005). *Geology of North-West Borneo* (1st ed.). Sarawak, Brunei and Sabah.
- Chris Ballard, Richard Bradley, Myhre Lise Nordenborg & Wilson Meredith. (2004). The ship as symbol in the prehistory of Scandinavia and Southeast Asia. *World Archaeology* 35(3), 385–403.
- Harrison, T. (1958). The Great Cave Sarawak: A ship-of-the-dead cult and related rock paintings. *The Archaeological News Letter*, 6, 199–204.
- Harrison, T. (1960). Stone Age ships of death: World’s oldest boat coffins found in Sarawak caverns reveal ancient culture. *Life*, January 11, 49–51.
- Harrison, B. (1964). Archeology Borneo: Recent archeological discoveries in Malaysia 1962–1963. Borneo. *JMBRAS*, XXXVII (Part 2), November, 192–206.
- Huntington, R. & P. Metcalf. (1979). *Celebrations of death: The anthropology of mortuary ritual*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Ian Glover. (1972). *Excavations in Timor: A study of economic change and cultural Continuity in Prehistory*. PhD Thesis (unpublished). Australian National University, Canberra.
- Jan Wisseman Christie. (1990). State formation in early maritime Southeast Asia: A consideration of the theories and the data. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*, 151(2), 235–288.
- Lape, P., S. O’Connor & N. Burningham. (2007). Rock art: A potential source of information about past maritime technology in South-East-Asia-Pacific Region. *International Journal of National Archaeology*, 36, 238–253.

- Manguin, P.-Y. (1986). *Shipshape societies: Boat symbolism and political systems in insular Southeast Asia*. In D. G. Marr & A. C. Milner (eds.). *Southeast Asia in the 9th to 14th Centuries* (pp. 187–213). Singapore and Canberra: Institute of Southeast Asian Studies and Research School of Pacific Studies, Australian National University.
- Matthew Spriggs & Timothy Earle. (2015). Political economy in prehistory: A Marxist approach to Pacific Sequences. *Current Anthropology*, 56(4), 515.
- Safrizal Hahir, Izmer Ahmad & Shahrul Anuar Shaari. (2011). The early drawings of Malaya (1880–1894) by Frank Swettenham. In Safrizal Shahir, Izmer Ahmad & Shahrul Anuar Shaari (eds.). *1st Malaysian International Drawing Marathon*. Penang: School of the Arts, Universiti Sains Malaysia.
- Szabó, K., Piper P. J., Barker, G. (2008). Sailing between worlds: The symbolism of death in northwest Borneo. *Terra Australis*, 29, 149–170.

